

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 20 DISEMBER 2017 (RABU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	SIRIM hasilkan MyRM Gold tentukan ketulenan emas	Utusan Malaysia
2.	Ukur ketulenan emas guna MyRM Gold	KOSMO
3.	SIRIM lancar khidmat rujuk ketulenan emas	Berita Harian
4.	NMIM lancar MyRM Gold	Harian Metro
5.	SIRIM lancar perkhidmatan rujukan ketulenan emas	BERNAMA
6.	Malaysia, Sri Lanka boost collaboration	New Straits Times
7.	Syarikat pemula niaga TPM raih kejayaan di MCY 2017	BERNAMA

**KERATAN AKHBAR  
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 16  
TARIKH : 20 DISEMBER 2017 (RABU)**

## Sirim hasilkan MyRM Gold tentukan ketulenan emas

Oleh **ABDUL YAZID ALIAS**  
ekonomi@utusan.com.my

**SHAH ALAM 19 Dis.** - Agensi penyelidikan dan teknologi utama negara, Sirim Berhad (Sirim) berjaya menghasilkan bahan Rujukan Malaysia Standard Emas (MyRM Gold) yang berupaya menangani masalah penipuan ketulenan emas yang diurusniagakan di pasaran di negara ini.

Kejayaan itu diumumkan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah yang mana beliau menegaskan MyRM Gold itu boleh diaplikasikan terhadap semua alat pengukur ketulenan emas berdasarkan unit sistem yang diguna pakai dalam perdagangan emas di peringkat antarabangsa.

Malah, bagi menyokong penghasilan MyRM Gold katanya, Sirim turut memperkenalkan Skim Persijilan Cap Kempa Emas iaitu skim persijilan ke atas ketulenan emas yang berpandukan kepada piawaian antarabangsa ISO/IEC 17067 sekali gus menggalakkan dagangan secara adil dan saksama membabitkan bahan logam bernilai tinggi itu.

"Penghasilan MyRM Gold ini menjadi penentu aras kepada kualiti dan ketulenan emas di pasaran khususnya di negara ini.

"Melalui MyRM Gold dan Skim Persijilan Cap Kempa Emas ini,



**ABU BAKAR MOHAMAD DIAH** (dua dari kanan) bersama Ahmad Fadzil Mohamad Hani (dua dari kiri), Azmi Ng Abdullah (kiri) dan Osman Zakaria (kanan) melancarkan MyRM Gold pada Hari Terbuka Sirim 2017 di Shah Alam, semalam.- UTUSAN/MOHD. SHAHARANI SAIBI

pihak tertentu termasuk institusi yang menjalankan urusniaga emas tidak perlu bimbang dengan risiko penipuan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan MyRM Gold dan Skim Persijilan Cap Kempa Emas Sirim sempena Hari Terbuka SIRIM 2017 di sini hari ini.

Hadir sama dalam majlis itu ialah Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Sirim, Prof. Ir. Dr. Ahmad Fadzil Mohamad

Hani; Pengarah Kanan Institut Metrologi Kebangsaan Malaysia (NMIM) Sirim, Dr. Osman Zakaria dan Pengarah Urusan Sirim STST-STS Sdn. Bhd., Azmi Ng Abdullah.

Dr. Abu Bakar berkata, Sirim bersedia untuk membantu mananya pihak yang menjalankan aktiviti perdagangan emas termasuklah institusi-insitusi kewangan dan gadaian untuk menggunakan MyRM Gold selain melaksanakan Skim Persijilan Cap Kempa Emas di bawah piawaian MS1247:2005.

**KERATAN AKHBAR  
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 12  
TARIKH : 20 DISEMBER 2017 (RABU)**

## Ukur ketulenan emas guna MyRM Gold

**SHAH ALAM** – Ketulenan emas yang diniagakan di pasaran di negara ini kini mampu dibuktikan melalui alat pengukur Rujukan Malaysia Standard Emas (MyRM Gold) bagi mengelakkan sebarang penipuan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, produk itu dihasilkan oleh SIRIM Berhad (SIRIM) dalam mengukur ketulenan emas berdasarkan unit sistem yang digunakan dalam perdagangan emas di peringkat antarabangsa.

Katanya, alat pengukur itu juga disokong dengan Skim Persijilan Cap Kempa Emas iaitu skim persijilan ke atas ketulenan emas yang berpandukan kepada piawaian antarabangsa ISO/IEC 17067.

"Ini seterusnya menggalakkan dagangan secara adil dan sak-sama membabitkan bahan logam bernilai tinggi itu.



ABU BAKAR (dua dari kanan) menunjukkan bahan rujukan MyRM Gold dan Skim Persijilan Cap Kempa Emas SIRIM di Shah Alam semalam.

"Sehubungan itu, orang ramai termasuk institusi yang menjalankan urus niaga emas tidak perlu bimbang dengan risiko penipuan," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Terdahulu beliau melancarkan MyRM Gold dan Skim Persijilan Cap Kempa Emas SIRIM sempena Hari Terbuka SIRIM 2017 di Dewan Serbaguna Ibu Pejabat SIRIM di sini.

**KERATAN AKHBAR**  
**BERITA HARIAN (TEKNOLOGI) : MUKA SURAT 24**  
**TARIKH : 20 DISEMBER 2017 (RABU)**



*Abu Bakar (dua dari kanan) bersama Ahmad Fadzil (dua dari kiri) dan Osman (kanan) pada pelancaran MyRM Gold dan Skim Pensijilan Cap Kempa Emas di Shah Alam, semalam.*

## SIRIM lancar khidmat rujuk ketulenan emas

Galakkan perdagangan adil dalam perniagaan tempatan

Oleh Ruwaida Md Zain  
bhnews@bh.com.my

Shah Alam

**S**IRIM Berhad (SIRIM) melancarkan dua perkhidmatan terbaru untuk rujukan ketulenan emas bagi menggalakkan perdagangan adil dan saksama dalam perniagaan emas tempatan.

Ia membatikan Bahan Rujukan Malaysia Standard Emas (MyRM Gold) dan Skim Pensijilan Cap Kempa Emas yang kedua-duanya berpaduan standard dan unit sistem antarabangsa.

MyRM Gold yang dibangunkan melalui usaha Institut Metrologi Kebangsaan Malaysia (NMIM) yang berada di bawah SIRIM, bertujuan menggalakkan perdagangan adil dan saksama dalam urusan per-

niagaan emas di Malaysia.

Pelancaran disempurnakan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah pada Hari Terbuka SIRIM 2017 di Ibu Pejabat SIRIM di sini, semalam.

Turut hadir, Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan SIRIM, Prof Dr Ahmad Fadzil Mohamad Hani; Pengarah Kanan NMIM, Dr Osman Zakaria dan Pengarah Urusan SIRIM QAS International Sdn Bhd, Mohd Azanuddin Salleh.

Sementara itu, Abu Bakar dalam sidang media berkata, SIRIM bersedia membantu mana-mana pihak yang menjalankan aktiviti perdagangan emas termasuk institusi kewangan dan gadaian menggunakan MyRM Gold selain melaksanakan Skim Pensijilan Cap Kempa Emas MS1247:2005.

"Pembangunan MyRM Gold selari dengan piawaian yang dilaksanakan oleh negara dunia dalam menentukur ketulenan emas.

**Menitikberat kualiti**  
"Malah, SIRIM bersedia melaksanakan perkhidmatan itu kepada pihak yang

menitikberat soal kualiti serta dagangan emas yang bebas risiko ketulenan," katanya.

Sementara itu, sempena Hari Terbuka SIRIM 2017 bertemakan "Merakyatkan Kualiti", makmal penyelidikan dan pengujian SIRIM dibuka dibuka kepada orang ramai.

Lawatan itu memberi peluang keemasan untuk orang ramai mengenali fungsi dan perkhidmatan disediakan agensi penyelidikan dan pembangunan (R&D), terutama teknologi di Malaysia itu.

### Beri kesedaran

Ahmad Fadzil berkata melalui program itu, SIRIM berpeluang memberi kesedaran mengenai peranannya dalam menjamin keselamatan dan kualiti hidup rakyat melalui produk, perkhidmatan dan teknologi berinovasi.

Katanya, program itu bertujuan memperkenalkan teknologi, produk dan perkhidmatan disediakan SIRIM, selain peranan kami sebagai agensi penyelidikan dan teknologi utama negara kepada industri, agensi kerajaan dan swasta, institusi pendidikan tinggi, sekolah dan juga orang awam.

# KERATAN AKHBAR

## HARIAN METRO (TENGAH) : MUKA SURAT 75

### TARIKH : 20 DISEMBER 2017 (RABU)

**HARIAN METRO**

**Shah Alam:** Institut Metrolgi Kebangsaan Malaysia (NMIM) melancarkan Bahan Rujukan Standard Emas (MyRM Gold) bagi memastikan semua alat pengukur ketulenan emas adalah berdasarkan Unit Sistem Antarabangsa (SI Units).

Bahan rujukan itu bagi menggalakkan perdagangan adil dan saksama meniaga-

### NMIM lancar MyRM Gold

emas di Malaysia.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata, ia amat penting bagi semua alat pengukuran ketulenan emas di Malaysia mempunyai kebolehkesanann melalui kaedah tentukuran

kepada satu piawaian saja iaitu MyRM Gold.

"Bahan rujukan ini sudah dibangunkan sendiri oleh NMIM pada penghujung tahun lalu. Institut ini dilantik sebagai Makmal Standard Pengukuran Kebangsaan di bawah Akta Sistem Pengu-

kuran Kebangsaan 2007 (Akta 675).

"Dalam melaksanakan mandat dan tanggungjawab ini, NMIM berperanan memastikan penyeragaman unit pengukuran di Malaysia selain mempunyai kuasa untuk mengeluarkan ba-

han rujukan dan menyebarkan unit pengukuran bahan rujukan kepada pihak berkepentingan," katanya pada Majlis Pelancaran MyRM Gold, di sini, semalam.

Hadir sama, Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan SIRIM Profesor Ir Dr Ahmad Fadzil Mohamad Hani, Pengarah Kanan NMIM Dr Os-

man Zakaria dan Pengarah Urusan Sirim QAS International Sdn Bhd Mohd Azamuddin Salleh.

Abu Bakar berkata, NMIN juga sudah mula memberikan Sijil MyRM sejak Mac 2017 bagi tentukuran densimeter, tentukuran XRF, pengukuran ketumpatan emas dan pengukuran ketulenan emas.



DR Abu Bakar (dua kanan) melancarkan MyRM Gold dan Skim Pensijilan Cap Kempa Emas di Shah Alam.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 20 DISEMBER 2017 (RABU)**



## **SIRIM Lancar Perkhidmatan Rujukan Ketulenan Emas**

SHAH ALAM, 19 Dis (Bernama) - **SIRIM Berhad (SIRIM)** hari ini melancarkan dua perkhidmatan terbaru untuk rujukan ketulenan emas bagi menggalakkan perdagangan adil dan saksama dalam perniagaan emas tempatan.

Dua perkhidmatan berkenaan adalah Bahan Rujukan Malaysia Standart Emas (MyRM Gold) dan Skim Pensijilan Cap Kempa Emas yang kedua-duanya berpandukan standard dan unit sistem antarabangsa.

Perkhidmatan berkenaan yang dimajukan oleh Institut Metrologi Kebangsaan Malaysia (NMIM) dilancarkan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohd Diah di Ibu Pejabat Sirim di sini sempena hari terbuka agensi berkenaan hari ini.

Turut hadir ke majlis adalah Pengerusi SIRIM, Prof Ir Dr Ahmad Fadzil Mohamad Hani dan Pengarah Kanan NMIM, Dr Osman Zakaria.

Menurut Abu Bakar, Skim Pensijilan Cap Kempa Emas adalah berpandukan kepada standard antarabangsa ISO/IEC 17067 yang mana persijilan hanya akan dianugerahkan kepada pemohon apabila terdapat bukti yang menunjukkan produk diuji adalah tulen dan proses cap kempa yang dilalui mematuhi keperluan Skim dan Standard Malaysia MS1247:2005.

"Dengan penghasilan MyRM Gold ini, ia menjadi penentu aras kepada kualiti dan ketulenan emas di pasaran khususnya di negara ini, melalui MyRM Gold dan Skim Persijilan Cap Kempa Emas, orang ramai termasuk institusi yang menjalankan urusniaga emas tidak perlu bimbang dengan risiko penipuan," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis berkenaan.

Tambah Abu Bakar, SIRIM juga bersedia untuk membantu mana-mana pihak yang menjalankan aktiviti perdagangan emas termasuklah institusi-insitusi kewangan dan kedai pajak gadai untuk menggunakan MyRM Gold selain melaksanakan Skim Persijilan Cap Kempa Emas.

Katanya pembangunan MyRM Gold adalah selaras dengan piawaian antarabangsa yang dilaksanakan oleh negara luar dalam menentu ukur ketulenan emas.

Di majlis berkenaan juga, SIRIM turut menyumbang barang kelengkapan sekolah bernilai RM200 setiap seorang kepada 50 orang anak yatim di sekitar sini.

BIOECONOMY INITIATIVES

# MALAYSIA, SRI LANKA BOOST COLLABORATION

Bioeconomy Corp signs deal to help develop framework in Colombo

KUALA LUMPUR

**M**ALAYSIAN Bioeconomy Development Corp Sdn Bhd (Bioeconomy Corp) and Sri Lanka's Coordinating Secretariat for Science, Technology and Innovation (COSTI) yesterday exchanged a memorandum of collaboration to develop a framework for Sri Lanka's bioeconomy.

The collaboration will see both parties leveraging each other's mandates and tap each other's field of expertise, network, resources and know-how, including through the sharing of business, trade, research, regulatory and information to expand bioeconomy in both countries.

Under the memorandum, Bioeconomy Corp will be appointed as a consultant for COSTI to develop Sri Lanka's bioeconomy initiative.

This will include the undertaking of suitable bioeconomy projects for Sri Lanka by leveraging

the successful Malaysian bioeconomy framework.

Apart from that, Bioeconomy Corp will be appointed as a service provider to Sri Lanka Institute of Biotechnology to assist in the management of a dedicated biotechnology park in Colombo.

Bioeconomy Corp is also exploring the prospects of leveraging the substantive expertise in Sri Lanka to rejuvenate Malaysia's coconut industry.

"Bioeconomy Corp is pleased to share 12 years of experience and expertise in developing the bioeconomy initiative with Sri Lanka.

"Through the enforcement of National Biotechnology Policy, Malaysia has accomplished significant advancements in the biotechnology and bio-based industries.

"We hope to do the same for Sri Lanka by implementing a similar bioeconomy framework. This collaboration reflects the belief and trust that Sri Lanka has put on Malaysia and it shows that our bioeconomy sets the standard for other countries to emulate," said Bioeconomy Corp

chairman Tan Sri Zakri Abdul Hamid in a statement yesterday.

Bioeconomy Corp chief executive officer Dr Mohd Shuaizam Mohd Zain said Sri Lanka had the potential to become a strategic bioeconomy partner for bioplastic, biosimilars and waste-to-wealth programmes.

"Malaysian bio-based companies can venture into Sri Lanka and co-develop high impact bio-based projects to add value to their products and services.

"We look forward to a productive and collaborative relationship with Sri Lanka in the long term," he added.

The signing of memorandum was witnessed by Prime Minister Datuk Seri Najib Razak and Sri Lanka President Maithripala Sirisena in conjunction with Najib's visit to Sri Lanka.

The visit commemorated the 60th anniversary of diplomatic relations between Sri Lanka and Malaysia, with the two leaders reaffirming their commitment to further enhance bilateral ties in the years ahead.



Bioeconomy Corp chief executive officer Dr Mohd Shuaizam Mohd Zain

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 20 DISEMBER 2017 (RABU)**



## **Syarikat Pemula Niaga TPM Raih Kejayaan Di MCY 2017**

KUALA LUMPUR, 19 Dis (Bernama) -- Beberapa syarikat pemula niaga daripada program inkubator **Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM)** telah memenangi beberapa pengiktirafan pada Anugerah Tahun Pengkomersialan Malaysia 2017 (MCY 2017) dan pelancaran produk yang dianjurkan oleh **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)**.

TPM dalam satu kenyataan, berkata Anugerah MCY 2017 dan pengkomersialan produk itu telah diadakan bersempena dengan Sidang Kemuncak Komuniti Keusahawanan Global 2017 pada 12 hingga 13 Dis depan.

"Senarai pemenang anugerah tahun ini termasuk Anano Sphere Sdn Bhd, Therapy on Demand Sdn Bhd dan Amiran Technology Sdn Bhd, ketiga-tiganya adalah peserta program inkubator TPM," katanya.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TPM, Datuk Mohd Azman Shahidin, berkata pelancaran pengkomersialan produk pula menyaksikan tiga peserta program inkubator TPM yang lain meraih kejayaan dalam pengkomersialan produk mereka iaitu MyMata oleh IP Infra Sdn Bhd, Sistem Pemantauan Alam Sekitar oleh Logikation Sdn Bhd dan Terapi.my oleh Therapy On Demand Sdn Bhd.

"Kami amat gembira dan berbangga dengan usaha-usaha keras yang dibuat oleh peserta program inkubator kami termasuk kakitangan daripada Pusat Inkubator Inovasi TPM serta rakan-rakan kongsi kami dalam program kejurulatihan dan bimbingan dalam memacu kejayaan tersebut.

"Ini adalah hasil daripada usaha bersepodu membabitkan semua pihak yang berkepentingan untuk mencapai matlamat yang dikehendaki dalam pembangunan teknologi-usahawan dan keusahawanan," katanya.

Mohd Azman berkata, pencapaian mereka menunjukkan keupayaan dan kemampuan TPM dalam menyumbang ke arah mencapai aspirasi negara dalam bidang sains dan inovasi.

TPM adalah sebuah agensi di bawah MOSTI dengan perkhidmatan infrastruktur, kemudahan dan sokongan yang bersepodu bagi membantu usahawan teknologi dan usahawan-usahawan yang berminat untuk mengkomersialkan idea mereka dalam empat kelompok industri iaitu ICT, kejuruteraan, bioteknologi dan teknologi hijau.

-- BERNAMA